

LATIHAN KATA ADJEKTIF

1. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Ikan air tawar yang dibeli oleh ibu di pasar tani _____ baunya kerana tidak dibersigkan dengan betul.

A masam

C hanyir

B hamis

D hancing

2. Pisang abu yang sudah _____ itu sedap jika dibuat cekodok pisang dan dimakan panas-panas sambil menghirup kopi pada waktu petang.

A putik

C mentah

B ranum

D mengkal

3. Alia berasa _____ setelah mengetahui keputusan peperiksaan percubaan PT3nya sangat teruk meskipun di atelah berusaha bersungguh-sungguh.

A takut

C gelisah

B marah

D kecewa

4. Parang itu sangat _____ setelah diasah oleh ayah dengan menggunakan batu asah peninggalan datuk.

A kuat

C licin

B tajam

D runcing

5. Suara penyanyi itu begitu _____ bak buluh perindu ketika mendendangkan lagu tradisional.

A sengau

C lantang

B merdu

D nyaring

B. Ayat -ayat di bawah ***mungkin betul*** dan ***mungkin salah*** . Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang ***paling sesuai*** .

6. Kemalangan maut yang pernah berlaku di depan matanya membuatkan dia berasa
A
gerun untuk memandu, terutama jika hari hujan. Tiada kesalahan. ☐
B C D

7. Aiman berasa gayat ketika berjalan di atas jambatan kaca tertinggi dan
A B
terpanjang sekali di dunia, iaitu The Zhangjiajie Gran Canyon Glass Bridge di China.
C
Tiada kesalahan ☐
D

C. Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.

Contoh:

Van yang dipandu oleh Pak Cik Boon meluncur deras menuju ke destinasi.
Laju

8. Kami menikmati panorama yang sungguh cantik di pantai itu sambil menghirup udara pagi yang indah.

9. Ibu menyapu minyak angin pada perut adik selepas mandi untuk mengelakkan perutnya benjol.

10. Penglihatan datuk semakin luntur kerana sudah berusia 90 tahun.
